



TITIK PANDANG

Kesehatan Awam: Pelaburan Strategik, Bukan Beban Kewangan Negara

Oleh Mohamad Firdaus Mohamad Ismail
Diterbitkan pada 15 Jun 2026, 08:45

A+ A- A🔇



Dalam usaha kerajaan mengawal kedudukan fiskal negara dan mengoptimalkan perbelanjaan awam, cadangan pengurangan kos operasi beberapa kementerian telah menarik perhatian pelbagai pihak. Antara langkah yang dinyatakan termasuklah penangguhan mesyuarat, seminar, persidangan dan bengkel yang dianggap tidak kritikal. Dari segi pengurusan kewangan negara, langkah berjimat cermat sememangnya boleh difahami dan dalam keadaan tertentu, tindakan sedemikian mungkin diperlukan.

Namun begitu, apabila sektor kesihatan turut dikaitkan dengan langkah pengurangan kos ini, timbul kebimbangan yang besar dalam kalangan petugas kesihatan dan masyarakat. Persoalannya, adakah sektor kesihatan sesuai menerima pendekatan penjimatan yang sama seperti sektor lain? Lebih penting lagi, apakah implikasi jangka masa panjang terhadap rakyat sekiranya pengurangan kos ini melibatkan aspek pembangunan profesional, latihan dan pemantapan ilmu petugas kesihatan?

Pada hakikatnya, sistem kesihatan negara ketika ini sedang berada dalam keadaan yang sangat mencabar. Hospital awam semakin sesak, jumlah pesakit terus meningkat, penularan penyakit kronik semakin membimbangkan dan tenaga kerja kesihatan pula berdepan dengan tekanan kerja yang tinggi.

Malaysia juga sedang menghadapi isu kekurangan jururawat, penghijrahan tenaga kerja kesihatan ke luar negara, serta masalah kelesuan kerja dalam kalangan petugas kesihatan. Dalam situasi sebegini, sektor kesihatan memerlukan pengukuhan sistem, bukannya pengurangan kos yang boleh melemahkan lagi daya tahannya.

Latihan dan Seminar Bukan Aktiviti Sampingan

Malangnya, terdapat tanggapan bahawa seminar, bengkel dan persidangan hanyalah aktiviti pentadbiran biasa yang boleh ditangguhkan tanpa memberikan kesan besar. Persepsi ini mungkin benar bagi sesetengah sektor, tetapi tidak bagi sektor kesihatan. Dalam dunia kesihatan moden, latihan profesional dan program pendidikan berterusan bukan lagi pilihan sampingan, sebaliknya menjadi komponen penting bagi memastikan keselamatan pesakit dan keberkesanan rawatan.

Dunia perubatan dan kesihatan berubah dengan sangat pantas. Teknologi baharu diperkenalkan hampir setiap tahun. Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penjagaan kesihatan semakin berkembang luas. Garis panduan klinikal sentiasa dikemas kini berdasarkan bukti penyelidikan terkini. Pendekatan rawatan juga berubah mengikut perkembangan sains perubatan global. Dalam keadaan ini, petugas kesihatan tidak boleh bergantung pada ilmu lama semata-mata.

Jururawat, doktor dan petugas kesihatan lain memerlukan latihan berkala untuk memastikan mereka mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan perkembangan semasa. Seminar klinikal, bengkel kemahiran, persidangan profesional dan latihan kompetensi sebenarnya mempunyai hubungan langsung dengan mutu rawatan, serta keselamatan pesakit.

Sebagai contoh, kelewatan dalam latihan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi perubatan baharu boleh meningkatkan risiko kesilapan klinikal. Kekurangan pendedahan kepada garis panduan terkini pula boleh menyebabkan rawatan menjadi kurang berkesan. Dalam sektor kesihatan, jururawat dan doktor yang mengalami jurang ilmu bukan sekadar isu akademik, tetapi boleh memberikan kesan langsung terhadap nyawa manusia.

Penangguhan Pengisian Jawatan dan Beban Berganda

Perkara yang lebih membimbangkan adalah apabila terdapat cadangan untuk menangguhkan pengisian jawatan yang dianggap tidak kritikal. Walaupun Kementerian Kewangan menyatakan bahawa sektor penting seperti kesihatan dan pendidikan akan diberikan pertimbangan khas, masyarakat masih berharap agar sektor kesihatan dikecualikan sepenuhnya daripada pendekatan ini.

Sistem kesihatan negara ketika ini sudah pun berhadapan dengan kekurangan tenaga kerja yang ketara, khususnya yang melibatkan jururawat dan pegawai perubatan di hospital awam. Jika pengisian jawatan terus ditangguhkan, beban kerja sedia ada akan menjadi semakin berat. Petugas kesihatan berisiko mengalami kelesuan kerja yang lebih serius akibat terpaksa menanggung tugas berganda dalam keadaan tekanan kerja yang tinggi.

Pada masa yang sama, rakyat juga akan menerima kesannya melalui tempoh menunggu yang lebih lama, kesesakan kemudahan kesihatan dan kemungkinan penurunan kualiti rawatan. Akhirnya, penjimatan yang dilakukan pada hari ini mungkin menghasilkan kos sosial dan kesihatan yang jauh lebih besar kepada negara pada masa hadapan.

Selain itu, program pembangunan profesional juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan kesejahteraan tenaga kerja kesihatan. Ketika banyak petugas kesihatan sedang mengalami tekanan kerja yang tinggi, peluang menghadiri seminar atau persidangan bukan sahaja membuka ruang untuk menambahkan ilmu, malah membantu meningkatkan keyakinan profesional dan semangat untuk terus berkhidmat.

Jika ruang pembangunan ini semakin terhad, tidak mustahil lebih banyak tenaga mahir akan memilih untuk meninggalkan sektor awam atau berhijrah ke luar negara yang menawarkan sistem sokongan profesional yang lebih baik. Akhirnya, rakyat juga yang akan menanggung kesannya melalui peningkatan masa menunggu, kesesakan hospital dan kemerosotan mutu perkhidmatan kesihatan awam.

Dari perspektif ekonomi pula, kesihatan tidak seharusnya dilihat sekadar sebagai beban perbelanjaan negara. Sebaliknya, sektor kesihatan merupakan pelaburan strategik yang menentukan produktiviti dan daya tahan sesebuah negara. Rakyat yang sihat menyumbang kepada ekonomi yang lebih stabil, produktif dan mampan. Sebaliknya, sistem kesihatan yang lemah akan meningkatkan kos rawatan jangka masa panjang, mengurangkan produktiviti tenaga kerja dan akhirnya memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Penjimatan jangka masa pendek yang mengurangkan kekuatan sistem kesihatan boleh menghasilkan kos yang jauh lebih besar pada masa hadapan. Penyakit yang gagal dicegah lebih awal akan memerlukan rawatan yang lebih mahal. Kelemahan latihan dan pembangunan profesional pula boleh menjejaskan kecekapan sistem kesihatan secara keseluruhan.

Sudah tentu tidak semua perbelanjaan perlu dipertahankan. Aktiviti yang bersifat pembaziran, terlalu mewah atau tidak memberikan impak yang besar sememangnya wajar dinilai semula. Namun begitu, pendekatan terhadap sektor kesihatan perlu dilakukan secara lebih teliti dan strategik. Tidak semua seminar atau bengkel dalam sektor kesihatan boleh dikategorikan sebagai tidak kritikal. Sebahagian daripada aktiviti tersebut merupakan komponen penting dalam infrastruktur keselamatan pesakit dan kualiti rawatan.

Dalam dunia moden hari ini, kekuatan sesebuah negara bukan sahaja diukur melalui pembangunan fizikal atau angka ekonomi, tetapi juga melalui keupayaan sistem kesihatannya dalam menjaga kesejahteraan rakyat. Kesihatan awam bukan tempat untuk penjimatan jangka masa pendek yang boleh melemahkan masa hadapan negara.

Oleh itu, pendekatan fiskal yang lebih seimbang dan bijaksana amat diperlukan, iaitu berjimat tanpa mengorbankan sektor strategik yang menjadi asas kepada kesejahteraan rakyat dan ketahanan negara.

Profesor Madya Dr. Mohamad Firdaus Mohamad Ismail, Pensyarah di Kulliyah Kejururawatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).







PORTAL E-MAJALAH

Dewan Bahasa
Dewan Sastera
Dewan Masyarakat
Dewan Budaya
Dewan Ekonomi
Dewan Kosmik
Dewan Tamadun Islam
Tunas Cipta




PAUTAN PENTING

Laman Web DBP
PRPM
Klik Web
Akademi DBP
eJurnal DBP
Khidmat Nasihat DBP
Dasar Privasi
Polisi Pemulangan dan
Pembayaran Semula

MEDIA SOSIAL DBP

 Facebook
 Instagram
 Twitter
 YouTube
 TikTok
 Telegram

DBPNIAGA


 DBP Niaga
 Facebook DBP Niaga
 Instagram DBP Niaga
 TikTok DBP Niaga

HUBUNGI KAMI

Menara DBP, Jalan Dewan
Bahasa, 50460 Kuala
Lumpur, Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur.

 03-2147 9000, 03-2147
9378

 [jendeladbp@
dbp.gov.my](mailto:jendeladbp@dbp.gov.my)

 [Aduan](#)